

26/09/2003

BusinessWeek terus perkecil pencapaian Malaysia

PUTRAJAYA: Majalah BusinessWeek yang sebelum ini dibidas kerana mengugut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya memberikan temu duga kepada wartawannya, terus memperkecilkan pencapaian negara.

Terbaru dalam edisi Asia bertarikh 29 September yang ditulis wartawannya, Michael Shari dan sudah dipaparkan dalam laman web majalah berkenaan, BusinessWeek memutarbelitkan ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menggambarkan bakal perdana menteri itu sebagai pengkritik program pembangunan kerajaan.

Ini termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Menara Berkembar Petronas (KLCC), Putrajaya dan Cyberjaya.

Dalam artikel bertajuk Malaysia After Mahathir (Malaysia Selepas Mahathir), Shari menyatakan KLIA yang mampu menampung 25 juta penumpang, hanya dijangka menguruskan 16 juta penumpang tahun ini.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan projek itu adalah pelan jangka panjang bagi menampung penumpang pada masa depan.

Beliau juga berkata, satu pertiga daripada salah satu menara KLCC masih kosong, Putrajaya yang dibina juga lenggang, manakala pelabur teknologi tidak melabur di Cyberjaya dan kini dipasarkan sebagai pusat murah untuk teknologi rendah dan pemerosesan data.

Penulis itu juga tidak menyatakan jumlah pelaburan dan jumlah syarikat yang terbabit dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) ketika ini.

Dalam artikel itu, penulis menggambarkan Abdullah berdasarkan sedutan ucapannya sebelum ini yang didakwa mengkritik projek pembangunan yang dilaksanakan kerajaan.

Sebelum ini, Shari mencetuskan kemarahan Dr Mahathir kerana secara kasar dan biadap mahu Dr Mahathir memberikan temubual dalam tempoh dua hari bagi menjawab dakwaan rasuah dan pembaziran dalam pembangunan projek mega kerajaan.

Dr Mahathir bagaimanapun enggan memberikan temubual itu kerana majalah sama sebelum ini menulis pembowongan selepas diberikan temu duga.

Bagaimanapun, BusinessWeek International memohon maaf kepada Dr Mahathir kerana menulis surat yang kasar dan mengugut itu. Surat meminta maaf itu dihantar pengarangnya Robert Dowling. Majalah yang berpangkalan di New York, diterbitkan McGraw Hill Group of Companies. Edisi Asia BusinessWeek dilaporkan dijual 60,000 naskhah setiap minggu.

Berdasarkan artikel terbaru itu, Shari juga didapati membuat beberapa kesilapan fakta termasuk "Sometime late next month, a low-key ceremony will take place on the fourth floor of a pastel-pink palace in the new Malaysian capital of Putrajaya." (Pada akhir bulan depan, satu majlis kecil akan diadakan di tingkat empat di istana berwarna pastel-pink di ibu negara Malaysia yang baru, Putrajaya.)

Penulis mungkin terkeliru kerana "istana" berwarna "pastel-pink" (merah jambu) adalah Masjid Putra manakala bangunan Kompleks Perdana Putra (Jabatan Perdana Menteri) berwarna kelabu.

Pejabat Perdana Menteri adalah di tingkat enam dan Putrajaya bukan ibu negara Malaysia yang baru, sebaliknya Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru. Ibu negara Malaysia masih Kuala Lumpur.

Artikelnnya turut menggambarkan masa depan yang kelam bagi Pulau Pinang berikutan banyak syarikat memindahkan operasi mereka ke China kerana kos buruh dan operasi yang lebih murah.